

ISU BERKAITAN HUKUM PENYUSUAN DALAM ISLAM: SATU SOROTAN LITERATUR

Nurhayati Abdul Ghani, Norita Kamaruddin, Nora'inan Bahari, Zanariah Dimon
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nurhayati.ag@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pola peningkatan kehidupan masyarakat sentiasa berubah seiring dengan peredaran masa dan pembangunan teknologi. Perkara ini turut memberikan kesan kepada trend penyusuan di kalangan ibu-ibu yang berkerjaya. Hakikatnya, susu ibu adalah yang terbaik untuk bayi dan penggunaan teknologi banyak membantu memudahkan dan menggalakkan penyusuan bayi. Namun, dalam membincangkan isu penyusuan ini, aspek hukum syariat yang berkaitan kadang kala dilihat remeh oleh sesetengah pihak. Kajian ini bertujuan membuat sorotan literatur terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan hukum-hukum penyusuan dan isu-isu berkaitan. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan (content analysis). Kajian berkaitan hukum-hukum penyusuan meliputi hukum-hukum berkaitan kewajipan ibu bapa dan hak anak, tempoh dan kesan penyusuan. Ia juga menyorot penulisan berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan hukum dalam pendermaan susu, public nursing, upah susuan, kesannya dan lain-lain permasalahan semasa.

Kata Kunci: Penyusuan, Hukum, Isu Semasa

1. PENDAHULUAN

Islam telah meletakkan garis panduan yang jelas kepada umatnya malah sangat tersusun dan teratur bagi mencapai objektif penemuan syariat dan kejadian manusia. Dalam negara yang semakin pesat dan membangun ini, peranan wanita itu tetap sama malah menjadi semakin penting dalam pembangunan. Peranan wanita masa kini tidak lagi terhad di rumah sebagai ibu mahupun isteri tetapi juga dalam pelbagai bidang profesional. Malah, mereka merupakan golongan yang mulia seiring dengan pengorbanan yang dipikul oleh mereka yang tidak mungkin mampu ditanggung oleh kaum lelaki.

Ini dapat dilihat dari beberapa sudut yang sesuai dengan fitrah kejadian mereka seperti kesediaan mengandungkan bayi selama sembilan bulan, kesakitan dan bahaya yang ditanggung semasa melahirkan seterusnya kepayahan memangku, menjaga dan menyusukan anak-anak. Ciri-ciri seperti ini menurut Sayyid Qutb amat susah lagi mencabar dan tidak mampu ditanggung oleh golongan lelaki (Sayyid Qutb, 1995).

Hakikatnya pada masa kini, ramai wanita berkerjaya, menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang, profesional mahupun bukan profesional. Mereka turut dituntut melaksanakan kewajipan mereka untuk menyusukan anak-anak memandangkan susu ibu terbukti sebagai makanan yang terbaik untuk tumbesaran bayi. Danial Zainal Abidin (2010) menulis di dalam bukunya tentang kelebihan susu ibu menurut perspektif al-Qur'an. Beliau mendedahkan tentang persamaan dapatan kajian yang dinyatakan oleh ahli sains pada hari ini dengan ayat-ayat al-Qur'an berkenaan susu ibu.

Dengan kekangan masa dan hambatan tuntutan kerja-kerja rumah dan kerjaya, perkembangan teknologi semasa dan penciptaan inovasi-inovasi baru banyak memberi kemudahan kepada para ibu. Perkembangan ini menimbulkan isu-isu semasa berkaitan hukum penyusuan di kalangan masyarakat.

2. HUKUM PENYUSUAN MENURUT ISLAM

Dalam mengimplementasikan hukum penyusuan berdasarkan kenyataan bahawa agama Islam merupakan agama yang syumul, beberapa garis panduan telah diperhalusi oleh para sarjana.

Terdapat empat pembahagian utama yang menjadi tonggak kepada hukum penyusuan terhadap agama Islam yang merangkumi beberapa aspek iaitu kewajipan ibu, hak anak, tempoh penyusuan dan kesan penyusuan.

2.1 Kewajipan Ibu

Wanita mempunyai tanggungjawab yang sangat besar dalam pembentukan dan pembangunan keluarga dan masyarakat Islam selain lelaki yang sudah semestinya akan memegang tanggungjawab yang besar dalam keluarga. Namun, tanpa wanita sebagai penguat dan tulang belakang, mana mungkin akan terteguhnya sebuah keluarga yang akan membangunkan generasi ummah. Realiti ini dapat dilihat sejak zaman kebangkitan awal Islam lagi. Peranan ini telah dimainkan oleh isteri-isteri Rasulullah S.A.W dan para sahabat dalam menyokong aktiviti dakwah Islamiah yang membawa kepada pembentukan sebuah masyarakat Islam.

Tanggungjawab menyusukan anak adalah kewajipan seorang ibu mengikut pandangan keempat-empat mazhab ahli sunnah wal jamaah. Sekiranya ibunya tidak mampu, anak tersebut boleh disusukan oleh seorang perempuan yang lain. Islam juga menyarankan kepada ibu-ibu agar memberikan air susu ibu kepada anak-anaknya selama dua tahun penuh di dalam Surah al-Baqarah ayat yang ke-233.

Al-Husni mengambil pendapat mazhab Syafie dan Hanafi bahawa kesahan hukum penyusuan hanya kepada perempuan yang menyusukan anak dan telah mencapai usia sembilan tahun. Sekiranya susu itu datang dari seorang lelaki yang boleh mengeluarkan susu dari dirinya, ia tidak akan menjadi mahram kepada anak tersebut walaupun diminum dengan kadar yang banyak. Dan ianya turut disokong oleh ulama mazhab Maliki dan Hanbali (Al-Husni, 1995).

Apabila membicarakan soal penyusuan, perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah hak dan kewajipan pelbagai pihak antaranya ibu, anak dan bapa. Ada pendapat yang mengatakan penyusuan adalah hak anak dan kewajipan ibu yang mesti dilaksanakan. Namun begitu, ada juga sebahagian ulama yang mengatakan penyusuan adalah hak ibu dan bukan kewajibannya. Justeru, para ibu berhak meninggalkan penyusuan dengan alasan tertentu. Dalam al-Qur'an ada juga menyebut akan kewajipan seorang bapa kepada anak dan juga isterinya yang mana para bapa ini harus memberi nafkah termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal kepada ibu-ibu yang menyusukan anak mereka. Ini kerana rezeki yang masuk ke dalam perut anak adalah daripada susu yang keluar daripada seorang ibu (Sayyid Qutb, 1992).

2.2 Hak Anak

Menurut kajian Nanang Rokhman Saleh (2012) dalam jurnal yang bertajuk "*Laktasi dalam perspektif al-Qur'an*", salah satu hak seorang anak setelah dilahirkan adalah hak untuk mendapatkan penyusuan dari ibunya sebagai makanan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan bayi kerana susu ibu banyak mempengaruhi dan membekalkan nutrisi kepada anak.

Al-Qur'an datang sebagai petunjuk dan jalan kepada umat manusia dan sebagai umat Islam harus mengakuinya dan mengambil peluang dan ruang yang ada seperti yang dilakukan oleh para doktor dengan menganjurkan program yang berbentuk kesedaran dengan memberi air susu ibu kepada bayi sehingga had umur enam bulan minimum atau dua tahun maksimum (Sohari Sahrani, 2013).

Kajian al-Mawardi (1996) mendapati melalui penyusuan ibu, banyak manfaatnya kepada ibu mahupun bayi dalam pelbagai aspek antaranya melalui penyusuan air susu ibu. Ia akan membantu perkembangan psikologi anak-anak dan dapat mengeratkan lagi hubungan antara ibu dan anak sehingga memberikan kesihatan yang baik dari segi fizikal mahupun mental. Oleh kerana itu, Islam menggariskan agar memilih wanita yang mulia akhlaknya, mempunyai keteguhan rumahtangga dan peribadi yang baik. Ini kerana bayi akan mudah terpengaruh dengan sikap ibu susuannya disebabkan bayi peka terhadap persekitarannya (Sohari Sahrani, 2013).

Seperkara lagi, walaupun penyusuan adalah hak kepada anak dan kewajipan ke atas ibu menyusukan, namun masih berlaku pertikaian di kalangan ulama berkaitan dengan masa kewajipan tersebut iaitu adakah ibu tersebut masih bergelar isteri atau sebaliknya. Menurut Zaydan (2000), berdasarkan *uruf* iaitu penyusuan wajib ketika mana perempuan tersebut masih berada dalam ikatan perkahwinan dan bukannya bagi mereka yang telah bercerai.

Berbeza pula dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Rashid Ridha (2005), beliau mengatakan wajib kepada semua wanita yang bergelar ibu tidak kira masih bergelar isteri atau telah bercerai. Selagi mana mereka sihat dan mempunyai susu, penyusuan adalah wajib dilakukan. Ada juga yang mengambil pendapat yang *rajih* iaitu ibu wajib menyusukan anaknya ketika masih bergelar seorang isteri. Sebaliknya sekiranya mereka telah bercerai, ibu tidak lagi wajib memberi susu kepada anak tersebut. Ada beberapa pendapat dan pandangan yang diambil berkaitan upah penyusuan seperti Zamakhshari (1977) mengatakan jika isteri yang diceraikan bersedia menyusukan anaknya, bekas suami hendaklah memberikan upah kepadanya.

2.3 Tempoh Penyusuan

Susu ibu merupakan makanan yang terbaik buat bayi dari awal kelahiran hingga tempoh yang telah dihadkan dalam penyusuan. Penyusuan susu ibu menjamin bayi hidup lebih sihat dan sempurna kerana susu ibu merupakan sumber pemakanan yang sangat seimbang malah telah disebutkan berkali-kali di dalam al-Qur'an tentang kepentingan susu ibu kepada bayi. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 233:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ

Maksudnya:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang ingin menyempurnakan penyusuan itu.

Dalam ayat ini, tempoh yang disarankan oleh agama Islam ialah selama 2 tahun. Ini tidak bermakna bayi atau anak-anak tidak boleh diberi makanan selainnya. Pakar nutrisi menyarankan makanan pejal, makanan tambahan selain daripada susu ibu seawal bayi berumur 6 bulan.

2.5 Kesan

Perbincangan hukum penyusuan ini amat dititik beratkan dalam Islam kerana ia memberi kesan dari segi nasab dan keturunan, yang mana antara lain, hukum aurat seperti aurat dgn ibubapa sendiri, dan adik beradik susuan haram dikahwini sebagaimana adik beradik seibu atau sebapa. Kesan hukum ini akan terhasil apabila syarat-syarat dipenuhi.

Syarat yang berkaitan dengan susu adalah seperti berikut:

Susu kekal dalam sifatnya yang asal sama ada mengalir atau sebagainya kerana dengannya akan memastikan tumbesaran tubuh dan penguatan tulang.

Air susu yang bercampur dengan sesuatu sama ada ia cecair seperti air, atau sesuatu yang keras seperti makanan air susu itu lebih banyak seperti ada tanda zahir warna susu atau rasa atau pun baunya maka sabit hukum susuan walaupun hanya sebahagian air susu yang bercampur itu diminum oleh bayi itu.

Manakala jika air susu itu sedikit daripada campuran yang lain, sama ada campuran itu yang halal atau haram seperti arak dan sebagainya sehingga menghilangkan ketiga-tiga sifatnya iaitu warna, rasa dan bau, mengikut *qaul azhar* adalah sabit hukum susuan jika diberi minum pada anak bayi itu keseluruhan air susu yang bercampur tersebut. Ini kerana telah yakin akan sampainya 'ain air susu itu ke dalam perut.

Adapun jika diminum hanya sebahagian air susu yang bercampur itu, mengikut *qaul asah* adalah tidak sabit hukum anak susuan padanya kerana tidak yakin akan sampainya air susu itu ke dalam perut. Adapun jika jelas dan yakin bahawa lebih campuran itu hanya tertinggal sedikit kadar susu yang dikuasai itu, maka sabitlah anak bayi tersebut sebagai anak susuan. (Sharbini, 1978).

Dalam menentukan tempoh penyusuan atau kadar penyusuan yang mensabitkan hukum haram disebabkan penyusuan, para ulama berselisih pendapat kepada beberapa pandangan iaitu Mazhab Hanafi dan Maliki menyatakan bahawa sabit pengharaman disebabkan penyusuan adalah bukan kepada banyak mahupun sedikit susuan tersebut tetapi jika sekali hisapan sudah berlaku pengharaman. Manakala Mazhab Syafie menetapkan lima kali kenyang iaitu apabila bayi tersebut menyusu dan kemudiannya melepaskan dari susuan atas pilihannya sendiri (kerana telah kenyang) tanpa ada gangguan yang mendatang. Pendapat Daud al-Zahiri dan Abu Thaur dan sebahagian *fuqaha* yang mana kadar penyusuan (sehingga menjadikannya anak susuan) adalah sebanyak tiga kali susuan.

2.5.1 Nasab atau Keturunan

Kesan dan hukum penyusuan bayi berkaitan nasab atau keturunan telah dijelaskan di dalam al-Qur'an. Firman Allah SWT:

وَأُمَّهَاتِكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتِكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ

Maksudnya: Dan (diharamkan juga kamu mengahwini) ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu.

(Surah al-Nisa':

23)

Dalil daripada hadis pula, diriwayatkan daripada Aisyah R.A, katanya:

إِنَّ الرِّضَاعَةَ تُحَرِّمُ مَا يَحْرُمُ مِنَ الْوَالِدَةِ

Maksudnya: “Penyusuan menyebabkan anak susuan haram dikahwini, sebagaimana anak yang dilahirkan.”

Riwayat al-Bukhari (2553) dan Muslim (4144)

Begitu juga hadis, daripada Ibn Abbas RA:

لَا تَحِلُّ لِي، يَحْرُمُ مِنَ الرِّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ، هِيَ بِنْتُ أُخِي مِنَ الرِّضَاعَةِ

Maksudnya: “Nabi SAW bersabda kepada anak-anak perempuan Hamzah RA, dia tidak halal bagiku. Apa yang disebabkan keturunan turut diharamkan disebabkan penyusuan. Dia merupakan anak perempuan susuanku.”

Riwayat al-Bukhari (2502) dan Muslim (1447)

Ayat al-Quran tersebut menunjukkan bahawa dengan sebab penyusuan, ibu susuan menjadi ibu kepada anak yang disusukan dan anak-anak perempuannya menjadi saudara perempuan anak susuannya. Sementara hadis pula menjelaskan kesan yang timbul disebabkan penyusuan, iaitu ibu susuan sama kedudukannya dengan ibu sebenar.

Oleh itu, mereka yang termasuk dalam senarai keturunan ibu susuan atau saudara perempuan susuan yang haram dikahwini oleh anak susuan sama seperti mereka yang termasuk dalam senarai keturunan ibu kandung atau saudara perempuannya sendiri.

3. ISU BERBANGKIT

Kesedaran mengenai kepentingan penyusuan kini semakin meningkat dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi pada masa kini terdapat banyak kajian-kajian saintifik dan perkembangan teknologi. Dalam menggalakkan penyusuan susu ibu kepada bayi, dikhuatiri aspek hukum tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.

3.1 Derma Susu

Di barat aktiviti pendermaan susu menjadi *trend* di kalangan ibu-ibu yang mempunyai masalah lebihan susu badan. Sesetengah ibu memilih untuk tidak mendermakan susu kerana tempoh berkabung. Tetapi sekelompok ibu yang lain berusaha untuk mendermakan susu mereka kerana sedar akan kepentingan susu badan kepada bayi sama ada mereka masih mempunyai bayi ataupun kehilangan bayi akibat kematian pramatang.

Di Australia, kempen pendermaan susu ibu menjadi perbincangan hangat antara penggubal polisi. Hal ini kerana berlaku percanggahan di antara nilai aspek kemanusiaan iaitu menghormati ibu yang sedang berkabung akibat kematian bayi dengan aspek kesihatan iaitu susu ibu yang sangat bernilai. Namun begitu, pembuat dasar merumuskan bahawa susu ibu yang kematian bayi adalah amat bernilai tetapi pada masa yang sama perlu menghormati ibu yang sedang berkabung akibat kematian anak (Carroll Katherine et al, 2014).

Seterusnya mereka mengesyorkan kajian-kajian lain perlu dilakukan ke atas ibu berdasarkan aspek psikologi sebelum mewajibkan pendermaan susu bagi ibu yang kematian anak Namun begitu, menurut Roslyn L Jording (2006) kesedaran mengenai kepentingan susu ibu kepada bayi sudah bermula sejak tahun 1960-an. Di samping itu, melalui teknik urutan yang betul

walaupun ibu melahirkan bayi pramatang, susu akan sentiasa diproduksi oleh badan ibu sekaligus tidak perlu bergantung kepada susu yang diformulasi.

Fenomena tersebut berlaku kerana pada masa tersebut susu tiruan dan susu formula masih lagi tidak diformulasi secara besar-besaran. Ependemik kekurangan yang berlaku pada tahun tahun berikutnya menyebabkan usaha memperbanyak susu simpanan terus digiatkan. Simpanan yang diterima semakin banyak sehinggalah kerajaan Australia memutuskan untuk menubuhkan bank susu dengan tujuan penyimpanan secara sistematik (Jording,2006).

Selain itu isu yang berbangkit dalam fenomena pendermaan susu adalah tahap kesihatan para ibu yang menderma susu. Hal ini dikhuatiri ibu yang menderma susu terdiri daripada pesakit yang mempunyai penyakit *AIDS*, *HIV*, *Sifilis*, *Hepatitis B* serta lain-lain penyakit berbahaya. Kajian yang dijalankan di California oleh Ronald S Cohen et al (2010) menunjukkan bahawa 33% ibu yang menderma susu mempunyai *HIV* positif. Malah hanya 3% daripada penderma susu yang disaring daripada aspek kesihatan yang ketat dikelompokkan sebagai penderma yang berisiko rendah, selebihnya digolongkan sebagai penderma berisiko tinggi. Oleh itu beliau dalam kajiannya mencadangkan supaya aspek saringan pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan dengan lebih teliti bagi memastikan bekalan susu yang diterima terdiri daripada susu yang benar-benar bersih daripada sebarang agen patogen dan bakteria berbahaya (Cohen, 2010).

Namun di akhir dapatan kajian yang dijalankan, Ward (2013) menunjukkan bahawa susu ibu masih merupakan sumber makanan terbaik kepada sistem penghadaman bayi kerana bakteria yang tercemar dalam susu ibu bukan daripada jenis yang membawa kemudaratan kepada ibu dan bayi yang menyusu. Isu pendermaan susu terus berlanjutan dan dibahaskan secara serius lebih-lebih lagi kajian yang dijalankan oleh Esther Marie O'Hare et al (2013) menunjukkan bahawa kelahiran bayi pramatang merupakan punca kematian bayi di Amerika Syarikat.

Kajian yang dijalankan oleh Irene Coutsoudis et al (2011) menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran untuk memberikan susu berdasarkan keadaan ibu serta anak menyebabkan masalah penyakit berjangkit terus berleluasa di Afrika Selatan. Bagi mengelakkan krisis bayi tidak mendapat susu badan, dicadangkan pendermaan susu merentasi sempadan negara dan politik seperti yang diutarakan oleh Kate Boyer (2010). Beliau dalam kajiannya berkata, krisis *HIV* yang berlaku di Afrika Selatan menyebabkan bayi turut dijangkiti virus tersebut serta memerlukan bekalan susu yang bersih dari kontaminasi bakteria.

Perkara yang sama berlaku di Amerika Syarikat di mana ibu yang positif *HIV* dilarang memberikan susu secara langsung. Mereka dinasihatkan memberi susu yang diambil daripada bank susu. Hal ini berikutan bagi mengelakkan susu badan mereka yang tercemar dengan *HIV* akan diberikan kepada anak mereka seterusnya menjangkiti bayi tersebut (Nancy Brent, 2013). Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Harpreet Johal et al (2011) yang menyokong pernyataan di atas. Dalam kajian yang dijalankan, terdapat bukti bahawa penyakit boleh berjangkit melalui aktiviti penyusuan. Dapatan kajian menunjukkan gen tumor yang ada pada ibu yang mempunyai barah payudara akan dipindahkan kepada gen bayi melalui aktiviti susuan. Gen yang dipindahkan akan berevolusi dalam badan bayi seterusnya bayi tersebut berisiko mendapat penyakit barah seperti ibunya.

Dapatlah dirumuskan bahawa kajian-kajian tersebut membuktikan peri pentingnya penyusuan susu ibu kepada bayi, terutamanya bayi pramatang. Menyedari perkara ini, di barat, penubuhan bank susu giat diadakan. Persoalan hukum bukanlah dalam agenda mereka.

Isu pendermaan susu atau bank susu juga dibahaskan dalam kalangan sarjana Islam. Terdapat artikel yang diterbitkan setelah kajian dijalankan yang memberikan konklusi kaitan agama Islam dengan isu pendermaan susu. Umumnya, Islam mengelompokkan pendermaan susu sebagai satu manfaat untuk ummah kerana kematian bayi pramatang akibat kekurangan susu lebih merupakan mudharat yang besar berbanding pengumpulan susu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa garis panduan yang perlu disediakan dan diberikan perhatian teliti pihak bertanggungjawab. Hal ini adalah kerana susu yang diberikan akan membentuk darah daging kepada bayi yang akan membesar (Noraida Ramli et al, 2010).

Kajian yang dijalankan oleh Noraida Ramli et al (2010) mengesyorkan bahawa setiap penderma dan bayi yang mendapat susu tersebut harus direkodkan secara teliti. Seterusnya pihak yang menderma susu serta ibu bapa bayi yang mendapat susu melalui bank susuan perlu dimaklumkan dan diberikan maklumat secara terperinci. Di samping itu, kajian mereka mengesyorkan seorang bayi hanya mendapat susu daripada satu sumber sahaja untuk mengelakkan percampuran dua ibu susuan atau lebih. Ini bertujuan mengurangkan risiko bayi susuan daripada ibu yang sama. Amalan ini bersesuaian dengan konsep *fiqh dharurat* dalam Islam. Seterusnya mendasari konsep *dharuriyat al-khams* yang memberi keutamaan kepada agama, jiwa, akal, harta dan keturunan. Mengelakkan kematian bayi termasuk dalam menjaga darurat kehilangan jiwa. Justeru, menurut perspektif Islam, pemberian susu yang bukan daripada susu badan asal ibu adalah diharuskan (Irwan Mohd Subri, 2016).

Manakala hasil kajian yang dijalankan di Turki bagi melihat pandangan sarjana agama mengenai hukum penubuhan bank susu mendapati ia sejajar dengan hukum fiqh yang menjaga nyawa manusia. Oleh itu, Turki bersedia dalam menubuhkan bank susu sekiranya keadaan darurat menyebabkan bekalan susu sukar diperolehi berdasarkan beberapa peraturan tertentu (R Ozdemir Mak, 2015). Peraturan-peraturan yang dibuat adalah selari dengan kehendak dan tuntutan *maqasid syariah* bagi menjaga nasab manusia.

Walaupun secara prinsipnya, Islam mengharuskan pendermaan susu atau bank susu, prosedur-prosedur pemberian susu tersebut haruslah dilakukan dengan cermat dan teliti bagi mengelakkan percampuran nasab atau perkahwinan terlarang antara saudara susuan.

3.2 Public nursing

Istilah *public nursing* di sini merujuk kepada perbuatan menyusukan anak secara langsung, di tempat-tempat awam atau tempat terbuka. Peningkatan kesedaran kepentingan penyusuan dilihat menyebabkan *public nursing* menjadi isu pada masa kini. Dahulunya, menyusukan bayi di tempat awam mungkin berlaku, tetapi dalam keadaan yang lebih tersorok atau tertutup. Masyarakat dilihat semakin berani menyusukan anak 'tanpa segan silu' di khalayak ramai.

Kesedaran mengenai kepentingan penyusuan kepada bayi kini dibahaskan bukan sahaja dalam perbualan masyarakat setempat bahkan turut berlegar di media massa. Terdapat laman web yang khusus membincangkan mengenai penyusuan bayi. Kajian yang dijalankan oleh

Sarah A. Keim et al (2014) mendedahkan bahawa laman web tersebut berkongsi mengenai ibu susuan, prosedur untuk mengambil susu serta langkah teliti dalam memastikan susu tidak tercemar. Masyarakat Malaysia juga tidak terkecuali membincangkan isu ini. Berkongsi pengalaman bukanlah isunya. Apa yang menjadi isu adalah apabila para ibu berswafoto semasa sedang menyusukan bayi dan memuatnaik gambar tersebut di media sosial untuk tatapan awam.

Islam mengiktiraf hak ibu dan hak anak terhadap penyusuan, tetapi perlulah mengikut lunas-lunas syarak. Isu sebenar di sini adalah isu pendedahan aurat yang mana adalah haram untuk tontonan umum. Secara umumnya, masyarakat hari ini lebih mudah menerima dan tidak memandang serong kepada wanita yang menyusukan anak di khalayak, tetapi harus dilakukan dengan cara yang tidak mendedahkan aurat. Terdapat banyak inovasi produk baru untuk kemudahan para ibu menyusukan anak di tempat-tempat awam. Penyusuan anak adalah sesuatu yang digalakkan dalam Islam. Menghormati hak orang lain dalam masyarakat juga adalah satu tuntutan dalam agama. Dalam hal ini, hak-hak individu dalam masyarakat hendaklah diseimbangkan.

3.3 Upah Penyusuan

Dalam membicarakan soal upah penyusuan, Normadiyah Daud et al (2014) di dalam jurnal yang bertajuk "*Penyusuan susu ibu: prinsip, hak dan kewajipannya menurut perspektif Islam*", ibu-ibu yang bakal memberikan susu mereka kepada anak-anak kecil ini perlu mengetahui perbezaan antara hak dan kewajipan dalam penyusuan.

Hak adalah sesuatu yang menjadi milik dan kepunyaan seseorang terserah kepada pemilik untuk memberikannya kepada orang lain. Manakala kewajipan pula ialah mesti dilakukan oleh seseorang untuk memenuhi hak seseorang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006). Mengenai upah penyusuan pula, adalah tidak menjadi kesalahan sekiranya mereka ingin mengupah orang lain untuk menyusukan anak mereka kerana sebab-sebab tertentu. Tetapi terdapat banyak perbezaan bagi mereka yang disusukan oleh ibu kandung sendiri dengan yang disusukan oleh wanita lain (Normadiyah Daud et al, 2014).

Dalam situasi ini, ada kalanya anak terpaksa diserahkan kepada orang lain untuk disusui kerana susu ibu kering atau ibu sakit dan sebagainya dan ini adalah dibenarkan di dalam Islam termasuk sekali memberikan upah kepada ibu susuan (ibid).

Al-Shirazi (t.th) di dalam kitabnya *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab* menyebut bahawa penyusuan adalah hak kepada bayi sepertimana nafkah kepada anak yang telah besar. Maka, bapa bayi bertanggungjawab memberi nafkah pakaian dan makanan kepada si ibu bayi yang menyusukan anak tersebut.

Terdapat beberapa pendapat dalam aspek penyusuan terutamanya hak seorang suami. Para ulama menyatakan jika seseorang perempuan mengambil upah menyusukan bayi sebelum dia berkahwin, seseorang suami tidak boleh menghalangnya daripada meneruskan penyusuan tersebut selepas mereka berkahwin (Ibn Qudamah, 1983).

Zaydan (2000) pula menyatakan jika seorang perempuan yang telah berkahwin menyusukan bayi orang lain dengan izin daripada suaminya sama ada dengan upah atau percuma, akad itu akan tetap berlangsung walaupun dalam tempoh tersebut suami berubah fikiran dan

menghalangnya. Sebaliknya, jika seorang isteri mengambil upah untuk menyusukan anak orang lain, sedangkan suaminya tidak memberi izin, akad upah tersebut tidak sah.

4. KESIMPULAN

Islam menekankan prinsip akhlak dalam penyusuan dan menitikberatkan hak dan kewajiban seluruh ahli keluarga meliputi hak ibu, bapa dan anak. Ini bagi memastikan penyusuan dapat menjamin *maqasid syariah* dalam aspek keturunan. Oleh itu, kesedaran masyarakat sangat penting dalam memahami hukum-hukum berkaitan penyusuan.

Bahkan terdapat hukum yang jelas tentang pelbagai aspek dalam penyusuan dan kajian yang membuktikan fakta-fakta berkaitan. Bagaimanapun, belum ada lagi kajian yang menjuruskan kepada kesedaran masyarakat tentang hukum-hukum berkaitan.

5. RUJUKAN

- Al-Alusi, Mahmud Ibn Abdullah al-Husayni. t.th. *Ruh Al-Ma'ani fi Tafseer Al-Qur'an Al-'Adhim wa Al-Sab' Al-Mathani*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Anna Coutsoudis. 2001. Breast-feeding and HIV transmission. *Nutrition Research Reviews* 14. 191–206. South Africa: Department of Paediatrics and Child Health, University of Natal.
- Al-Asbahi, Imam Malik bin Anis. 1991. *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ayu Aima Yusuf. 2002. *Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Carroll Katherine, Bryden S Lenne, Kerri Mcgan. 2014. Breast milk donation after neonatal death in Australia: a report. *International Breastfeeding Journal* 9(23). London: BioMed Central
- Catherine A Boyd. 2007. Donor breast milk versus infant formula for preterm infants: systematic review and meta-analysis. *Arch Dis Child Fetal Neonatal* 92. 169–170. London: Royal College of Paediatrics and Child Health
- Danial Zainal Abidin. 2010. *Qur'an Saitifik: Meneroka Kecemerlangan Qur'an daripada Teropong Sains*. Kuala Lumpur: PTS Millenia
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2006. *Kamus Dewan*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dominica A Gidrewicz, Tanis R Fenton. 2014. A systematic review and meta-analysis of the nutrient content of preterm and term breast milk. *Journal of BMC Pediatric* 14. 216. Canada: Department of Pediatric, University Of Calagra
- Dusuqi, Shams al-Din al-Shaikh Muhammad 'Arafah. t.th. *Hashiyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: 'Isa al-Halabi
- Esther Marie O'Hare, Angela Wood, Elizabeth Fis. 2013. Human milk banking. *Neo Natal Network* 32(3). 175 – 183. New York: Springer Publishing
- Al-Husni, Taqiyuddin Abi Bakar bin Muhammad al-Husaini. 1995. *Kifayatul Akhyar Fi Halli Ghayat al-Ikhtisar*. Jeddah: Dar al-Minhaj
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. 1983. *Al-Mughni*. Palestin: Dar 'Alam al-Kutub
- Irene Coutsoudis, Alissa Petrites, Anna Coutsoudis. 2011. Acceptability of donated breastmilk in a resource limited South African setting. *International Breastfeeding Journal* 6(3). 1– 11. London: BioMed Central
- Irwan Mohd Subri. 2016. Pencegahan penyakit melalui kaedah pelalian menurut perspektif islam. *Jurnal Ulum Islamiyyah* 17. 57 – 77. Nilai: USIM Press Kate Boyer. 2010.

- The care and commodities: breast milk and the new politics of mobile biosubstances. *Progress in Human Geography* 34(1). 5 – 20. London: Sage Publication
- Marjan Val Gysel, Veerle Cossey, Steffen Fieuws, Annette Schuerman. 2012. Impact of pasteurization on the antibacterial properties of human milk. *European Journal of Pediatric* 171. 121–123. Berlin: Springer Heidelberg
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan ‘Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1996. *Kitab al-Rada’*. Beirut: Dar Ibn Hazm
- Monica Marie Nelson. 2013. The benefits of human donor milk for preterm infants. *International Journal of Childbirth Education* 28(3). 84 – 89. North Carolina: International Childbirth Education Association (ICEA)
- Nanang Rokhman Saleh. 2012. Laktasi dalam perspektif al-Qur’an: sebuah kajian tafsir tematik. *Journal of Health Science* 5(2). Surabaya: Stikes Yarsis
- Nancy Brent. 2013. The risks and benefits of human donor breastmilk. *Pediatric Annals* 42(5). 84 – 90. New Jersey: SLACK Incorporated
- Noraida Ramli, Nor Roshidah Ibrahim, Van Rostenberghe Han. 2010. Human milk banks – the benefits and issues in an Islamic setting. *Eastern Journal of Medicine* 15. 163 – 167. Turki: Yuzuncu Yil University
- Normadiyah Daud, Siti Fatimah Salleh. 2009. Peranan susu ibu dalam pembangunan modal insan: satu sorotan kepada wanita bekerjaya. *Jurnal al-Sirat KIPSAS* 8(10). 180 – 197. Kuala Lumpur : Percetakan Tabah
- Normadiyah Daud, Zuliza Kusrin. 2014. Penyusuan susu ibu: prinsip, hak dan kewajibannya menurut perspektif Islam. *E-Jurnal Pengajian Islam KUIS* 7(1)
- Panczuk. 2014. Human donor milk for the vulnerable infant: a Canadian perspective. *International Breastfeeding Journal* 9(4). 1 – 4. London: BioMed Central
- R Ozdemir Mak, M Karatas A Ozer DG Dogan, A Karadag. 2015. Human milk banking and milk kinship: perspectives of religious officers in a Muslim country. *Journal of Perinatology* 35. 137–141. New York: Springer Nature
- Radzniwan AR, Azimah NM, Zuhra H, Khairani O. 2009. Breastfeeding practice and knowledge among mothers attending an urban Malaysian maternal and child health clinic. *Med & Health* 2009 4(1) 1-7. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ridha, Muhammad Rashid. 2005. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim al-Mustahir bi Tafsir al-Manar*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ronald S Cohen, Sean C Xiong, Pauline Sakamoto. 2010. Retrospective review of serological of potential human milk donors. *Arch Dis Child Fetal Neonatal* 95. 118–120. London: Royal College of Paediatrics and Child Health
- Rosyln L Jording. 2006. A review of human milk banking and public health policy in Australia. *Breastfeeding Review* 14(3) 21–30. Melbourne: Australian Breastfeeding Association
- Sarah A. Keim, Kelly A. McNamara, Chenali M. Jayadeva, Ashlea C, Braun Chelsea, E. Dillon, Sheela R. Geraghty. 2014. Breast milk sharing via the internet: the practice and health and safety considerations. *Matern Child Health Journal* 18(1). 1471 – 1479. New York: Springer Science + Bussiness Media
- Sarkhasi, Abi Bakr Mohammad Ibn Mohammad. t. th. *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Sayyid Qutb. 1995. *Fi Zilal al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Shuruq
- Sekaran, Uma. 2003. *Research Methods for Business*. Ed. Ke- 4. New York: John Wiley & Sons Inc.

- Sharbini, al-Khatib. 1978. Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat al-Ma'ani Alfaz Sharh al-Minhaj. Syria: Dar al-Hadith
- Al-Shirazi, Taqi al-Din 'Ali ibn 'Abd al-Kafi al-Subki. t.th. Al-Majmu' Sharh al-Muhazzab. Jeddah: Maktabat al-Irshad
- S. Sarkar. 2004. Therapeutic aspects of breast milk. Nutrition and Food Science 34 3(4). 108 – 112. Britain: ProQuest Central
- S. Sankar. 2004. Nutritional aspects of breast milk. Journal of Nutrition and Food Science 34(4). India: West Benagl Department of Quality Assurance
- S. Sarkar. 2004. Modified milk for infants. Journal of Nutrition and Food Science. 17 – 23. India: West Benagl Department of Quality Assurance
- Tengku Alina Tengku Ismail, Zaharah Sulaiman, Rohana Jalil, Wan Manan Wan Muda, Nik Normanieza Nik Man. 2012. Breast milk expression among formally employed women in urban and rural Malaysia: A qualitative study. International Breastfeeding Journal 7. 11 – 15. London: BioMed Central
- Ward et.al. 2013. Human milk metagenome: a functional capacity analysis. BMC Microbiology Journal 13. 116 – 120. London: BioMed Central
- Wu B, Zheng J, Zhou M, Xi X, Wang Q, Hua J, et al. 2015. Improvement of expressed breast milk in mothers of preterm infants. Recording Breast Milk Pumping Diaries in a Neonatal Center 10(12). China: PLoS ONE
- Al-Zamakhshari, Abu Qasim Mahmud ibn 'Umar. 1977. Al-Kashf 'An Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil wa Wujuh al-Ta'wil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zaydan, Abdul Karim. 2000. Al-Mufassol fi Ahkam al-Mar'ah wa Bait al- Muslim fi Syariati al-Islamiyyah. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Ed. Ke- 7. Kaherah: Dar al-Fikr.